

06/07/1998

Kaum India diminta berjimat cermat

KUALA LUMPUR, Ahad - Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, meminta ahli parti itu mengamalkan sifat menabung serta berjimat cermat sebagai suatu bentuk sumbangan individu dalam menangani isu kegawatan ekonomi negara.

Samy Vellu berkata, beliau meminta setiap ahli menyebarkan budaya berjimat cermat dan menabung di kalangan masyarakat India tanpa mengambil kira latar belakang dan kedudukan.

"Anggaplah sifat menabung dan berjimat cermat itu sebagai suatu tindakan individu yang boleh membantu menyelesaikan masalah ekonomi negara," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen MIC Selangor Ke-5 di sini, hari ini.

Beliau berkata, MIC sentiasa berdiri di belakang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, serta memberi kepercayaan penuh kepadanya melaksanakan pelbagai pendekatan mengatasi kegawatan.

Sementara itu, beliau berbangga projek Koperasi Didik Berhad (Ko Didik) yang dianjurkan parti itu mendapat sambutan amat menggalakkan dari ahli parti di setiap peringkat.

"Hari ini MIC Selangor menyumbang kira-kira RM2.5 juta kepada tabung Ko Didik."

"Ini menunjukkan ahli sudah boleh menerima kepentingan projek itu demi masa depan pendidikan anak generasi kaum India sendiri," katanya.

Samy Vellu berkata, beliau sudah mengingatkan pemimpin MIC di setiap cawangan untuk menambah sekurang-kurangnya 50 orang menjelang akhir tahun ini.

"Jika setiap cawangan mampu berbuat demikian, MIC boleh mendapat ahli baru 200,000 orang serta menghampiri sasaran keahlian penuh parti 600,000 orang," katanya.

(END)